



PEJABAT URUSAN
FBP
FELCRA
FELCRA BEKALAN & PERKHIDMATAN SDN BHD

HANDBOOK

FELCRA BEKALAN & PERKHIDMATAN SDN BHD

2024

UCAPAN PENERUSI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum dan selamat sejahtera bersyukur KeHadrat Allah SWT, FELCRA Bekalan dan Perkhidmatan Sdn Bhd (FBPSB) membuka dimensi baharu dalam perniagaan teras FELCRA Berhad. Melihat beberapa kejayaan yang dicapai sepanjang penubuhannya melalui cabang-cabang perniagaan yang diterokai seperti bidang Automotif dan Kejuruteraan, bidang Jualan dan Pemasaran, bidang Perkhidmatan Insurans dan bidang Perladangan dan Pembinaan.

FBPSB sedar bahawa untuk kekal berdaya saing dalam perniagaan perlulah selari dengan perkembangan teknologi terkini. Oleh itu, FBPSB merangka strategi baharu dalam segmen pemasaran terutama pemasaran digital yang menjadi *trend* terkini. Sehubungan itu, FELCRA Berhad banyak merangka program usahasama bagi melahirkan lebih banyak usahawan bumiputera seperti “*RURAL BUSINESS CHALLENGE*”. FBPSB pada masa yang sama berperanan memberi pendedahan produk Bumiputera seperti dalam rangkaian HeMAT Outlet. Saya dengan rasa sukacita menjemput usahawan bumiputera diluar sana untuk menggunakan platform HeMAT Outlet ini memperkasakan pasaran produk bumiputera.

Saya juga percaya dan menyeru kepada kesemua *Team Player* FBPSB sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik serta ikhlas. Prinsip dalam membangunkan modal insan melalui inisiatif “*LIFE LONG LEARNING*” (3L) adalah perlu diterapkan dalam menjamin profisiensi kesemua tenaga kerja di syarikat ini. Mengakhiri ucapan saya, saya menegaskan bahawa sifat integriti dan bertanggungjawab adalah amat mustahak didalam keperibadian setiap tenaga kerja disini. Ini seiring Hadis Nabi SAW “Ketahuilah bahawa setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan atas kepimpinan kamu itu”. Justeru, layari bahtera profesion di syarikat ini dengan penuh semangat bagi memastikan imej dan pencapaian syarikat sentiasa terbaik.

Sekian, Terima Kasih

YBHG. TUAN NOORAZLI BIN SAAD

Pengerusi

FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn Bhd



UCAPAN PENGARAH URUSAN

Selamat sejahtera, FBPSB berpegang teguh kepada prinsip bahawa kualiti adalah aspek yang tidak boleh dipisahkan daripada perkhidmatan yang kami sediakan. Dengan itu, kami telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan setiap produk yang kami sediakan memenuhi piawaian kualiti yang tertinggi. Ini termasuklah pemilihan pembekal, kawalan kualiti yang ketat, dan pemantauan berterusan terhadap maklum balas pelanggan.

Selain itu, kami juga menekankan keberkesanan dalam setiap aspek operasi kami. Dari proses pengurusan sehingga penghantaran produk, kami berusaha untuk memastikan bahawa setiap langkah diambil dengan penuh kecekapan. Kami percaya bahawa keberkesanan adalah kunci kepada kepuasan pelanggan dan kami menyatakan komitmen untuk terus meningkatkan kualiti operasi kami bagi memenuhi harapan anda.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan kami yang telah memberi sokongan kepada kami. Komitmen kami terhadap kualiti dan keberkesanan adalah satu janji yang kami pegang teguh. Kami berharap agar dapat menjadi rakan niaga pilihan anda dalam tempoh masa akan datang.

Sekian, Terima Kasih.

EN. MOHAMMAD JAAFAR BIN

ABD. MALIM

Pengarah Urusan

FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn Bhd





LATAR BELAKANG

ANAK SYARIKAT MILIK FELCRA BERHAD

1 MAC 2000

104 ORANG STAF

PEMBANGUNAN BISNES & OPERASI, KHIDMAT SOKONGAN ,
KEJURUTERAAN, KHIDMAT NIAGA, KHIDMAT TEKNIKAL, TENAGA
KERJA ASING DAN INSURANS

MEMBANTU & MENYOKONG MANA-MANA PESERTA YANG
BERKECIMPUNG DALAM DUNIA PERNIAGAAN



STRUKTUR PEMEGANG SAHAM



FELCRA BERHAD

53%

KOPERASI PESERTA-PESERTA
FELCRA BERHAD

19%

KOPERASI KAKITANGAN FELCRA
(M) BERHAD

14%

KOPERASI PESERTA FELCRA
SEBERANG PERAK BHD

14%



CARTA ORGANISASI FELCRA BEKALAN & PERKHIDMATAN SDN BHD



VISI

Ke arah sebuah perniagaan yang progresif, inovatif, berdaya saing dan menguntungkan.

MISI

- Sebagai penyedia perkhidmatan pusat servis kenderaan dan fabrikasi jentera berat serta pembekal utama mekanisasi alatan pertanian kepada sektor perladangan.
- Bergiat dalam bidang pengedaran pemakanan dan produk jenama HeMAT, *mini mart* *café* dan perkhidmatan pengelola acara.
- Menjalankan operasi perkhidmatan kerja-kerja Pertanian Am dan pembinaan rumah.

OBJEKTIF

- Mempelbagaikan produk dalam aktiviti bekalan pelbagai dan perkhidmatan yang terkini sebagai pilihan kepada pelanggan.
- Memastikan gabungan modal perniagaan 3 kelompok utama kumpulan FELCRA Berhad, institusi peserta dan institusi staf dalam bidang perniagaan adalah menguntungkan.

ISI KANDUNGAN



**Pembangunan
Bisnes & Operasi**

01 - 08



Pentadbiran

09 - 27



Kewangan

28 - 33



Perolehan

34 - 49



Kejuruteraan

50 - 59



Khidmat Niaga

65 - 68



Khidmat Teknikal

59 - 82



Insurans

83 - 86



PEMBANGUNAN BISNES & OPERASI

CARTA ORGANISASI PEMBANGUNAN BISNES

NAMA PEGAWAI	JAWATAN	NO TELEFON
EN. MUHAMMAD PUTRA SHAFIQ ISMAIL	KETUA BAHAGIAN PEMBANGUNAN BISNES & OPERASI	017-730 9255
CIK NURUL AFIQAH MD ZAID	PENOLONG EKSEKUTIF	019-650 6896
EN. MOHD ZUL HAFZAL MUNGKIM	EKSEKUTIF (WILAYAH SABAH)	016-821 9141
PN. NURASYIDAH MUSTAPHA	EKSEKUTIF (WILAYAH PERAK)	017-509 5066
EN. MUHAMMAD AL FATIH SUDIN	EKSEKUTIF (WILAYAH JOHOR)	013-798 0122
EN. AHMAD HAFIZ RAMLI	EKSEKUTIF (WILAYAH TIMUR)	011-1246 7263
PN. SITI NORMAIZATUNNUZA MOHD SALIMIN	EKSEKUTIF (WILAYAH PAHANG)	014-507 0745
PN. NOR HAKMAR MOHD AZNAM	EKSEKUTIF (WILAYAH UTARA)	013-380 7753



PEMBANGUNAN BISNES & OPERASI

Melibatkan pelbagai aktiviti yang diperlukan untuk memastikan pertumbuhan, kecekapan, dan keberlanjutan operasi sesebuah perniagaan syarikat. Antara tugas utama adalah pelan strategik dan perancangan, pembangunan bisnes dan sebagainya.



PEMBERI MAKLUMAT/PENGADU TIDAK SEPATUTNYA MENGEMUKAKAN APA-APA MAKLUMAT/ADUAN YANG MANA BELIAU TAHU ATAU SEDAR IA ADALAH PALSU ATAU TIDAK BERASAS ATAU SENGAJA DIREKA BAGI TUJUAN MEMBURUKKAN IMEJ INDIVIDU LAIN ATAU SYARIKAT.

MEMBUAT PENDEDAHAN "KELAKUAN TIDAK WAJAR" (KTW) DENGAN MEMELIHARA KERAHSIAAN MAKLUMAT SULIT DAN MEMUDAHKAN PEMBERI MAKLUMAT DALAM MEMBUAT PENDEDAHAN KTW KEPADA AGENSI PENGUATKUASAAN.

DIKEHENDAKI MENDEDAHKAN APA-APA MAKLUMAT JIKA BELIAU MENGSYAKI ATAU MEMPERCAYAI YANG MUNASABAH STAF SYARIKAT TELAH MELAKUKAN APA-APA SALAHLAKU JENAYAH ATAU YANG MELANGGAR APA-APA PERATURAN SYARIKAT.

POLISI MEMBERI MAKLUMAT

SALAH LAKU DI DALAM SYARIKAT DAPAT DIDEDAHKAN MELALUI SALURAN YANG LEBIH EFEKTIF DAN TELUS DISAMPING DAPAT MELINDUNGI PEMBERI-PEMBERI MAKLUMAT DARIPADA APA-APA TINDAK BALAS ATAS PENDEDAHAN TERSEBUT.

SYARIKAT AKAN MENGEKAL KERAHSIAAN IDENTITI PEMBERI MAKLUMAT MELAINKAN PENDEDAHAN TERSEBUT DIPERLUKAN DI SISI UNDANG-UNDANG.

POLISI KONFIK KEPENTINGAN

Ahli Lembaga Pengarah dan staf syarikat
adalah **dilarang** sama sekali untuk:

1) Mempunyai **kepentingan peribadi/kewangan/kepentingan** dengan pihak ketiga yang terlibat dengan apa-apa urusan rasmi dengan syarikat.

2) Menyalurkan apa-apa **maklumat berkaitan syarikat** dengan/tanpa kebenaran Pengurusan Tertinggi syarikat yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam urusan rasmi syarikat.

3) Menjalankan apa-apa bentuk **transaksi dengan menggunakan akaun peribadi** dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan syarikat.

4) Menerima **yuran/komisen/apa-apa barangan bernilai** daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan syarikat.

5) Menggunakan **kedudukan rasmi** untuk mengembangkan kemajuan kerjaya ahli keluarga di dalam syarikat.

6) Memohon apa-apa **faedah peribadi** bagi mendapatkan sesuatu daripada agensi kerajaan di atas projek yang dimajukan oleh syarikat hendaklah mendapatkan kelulusan daripada syarikat terlebih dahulu.

PENGISYHTIHARAN KEPENTINGAN

1) Mana-mana staf yang mempunyai percanggahan di dalam apa-apa proses kerja rasmi hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara bertulis kepada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat.

2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah segera menggantikan mana-mana staf yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan staf lain yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja tersebut.

3) Staf yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat serta meninggalkan mesyuarat tersebut.

4) Pengisytiharan kepentingan juga boleh dibuat secara bertulis dengan menggunakan Borang Pengisytiharan Kepentingan, jika pengisytiharan tersebut tidak di minit dalam mana-mana mesyuarat.

5) Ketua Pegawai Eksekutif boleh atas pertimbangannya untuk menurunkan tanggungjawab dan kuasa kepada mana-mana pegawai yang kompeten bagi tujuan kelancaran pelaksanaan polisi.

6) Pengisytiharan kepentingan yang melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan / ahli-ahli Lembaga Pengarah boleh dibuat terus kepada Lembaga Pengarah Syarikat.

**PEMBERIAN & PENERIMAAN
HADIAH YANG DIBENARKAN**

Hadiah yang diterima atas dasar budaya (perayaan, perkahwinan, dll) yang mana niat pemberian yang tidak meragukan.

Hadiah berupa barangan yang bernilai rendah berupa produk promosi (pen, buku, diari, dll.).

Hadiah sebagai tanda terima kasih atau penghargaan (<RM1,500).

Apa-apa hadiah atau tajaan daripada yaysan atau persatuan yang ditubuhkan untuk manfaat staf FBPSB.

Hadiah atau tajaan daripada kerajaan persekutuan atau negeri (basiswa, dll).

Apa-apa hadiah atau tajaan dari pihak swasta yang tidak mempunyai hubungan rasmi.

Hadiah yang cepat rosak (buah-buahan, kuih-muih, minuman ringan, bunga, dll).

**POLISI
PEMBERIAN &
PENERIMAAN
HADIAH**

*Semua pemberian atau penerimaan hadiah yang tidak tertakluk seperti di atas perlu mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai atasan terlebih dahulu

LARANGAN PENERIMAAN HADIAH

Ahli Lembaga Pengarah dan staf termasuk ahli keluarga adalah sama sekali **DILARANG MENERIMA** apa-apa hadiah daripada kontraktor, pembekal, vendor, rakan niaga, serta apa-apa sumbangan yang mana pemberi tersebut mempunyai hubungan tugas rasmi dengan ahli lembaga pengarah dan staf.

PEMBERIAN DAN/ATAU PENERIMAAN HADIAH YANG MENJADI KESALAHAN

Pemberian dan/atau penerimaan hadiah oleh staf atau ahli keluarga staf FBPSB akan menjadi **SATU KESALAHAN** jika ia diberi dan/atau diterima secara atau dengan niat rasuah (*corruptly or with corruptly*) dengan merujuk kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

PEMBERIAN DAN/ATAU PENERIMAAN HADIAH YANG SUKAR DITOLAK

Polisi ini membenarkan pemberi dan/atau penerimaan tersebut atas dasar menjaga hubungan baik antara pemberi dan penerima (mewakili syarikat). Namun, penerima hadiah tersebut perlu melapor dan mendapatkan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif.

PEMBERIAN DAN/ATAU PENERIMAAN MELIBATKAN ALP SYARIKAT

Bagi situasi ahli-ahli lembaga pengarah yang memberi dan/atau menerima hadiah, pelaporan dan kelulusan adalah diletakkan dibawah tanggungjawab Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat.



BORANG-BORANG POLISI

BORANG PENGISTIHARAN KEPENTINGAN

LAMPIRAN A


FBP
Borang Pengisytiharan Kepentingan
FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn Bhd

Kepada Ketua Pegawai Eksekutif _____ (Nama Syarikat)

Saya _____ No. K/P: _____

dengan ini sesungguhnya mengisytiharkan bahawa:

Saya, ahli keluarga dan/atau tanggungan saya **TIDAK MEMPUNYAI** sebarang akaun kepentingan peribadi, kewangan atau lain-lainnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam apa jua perkara yang membabitkan atau boleh membabitkan perancangan dengan tugas dan tanggungjawab saya sebagai:

ketagaji _____
di (Kumpulan/Bahagian/Anak Syarikat) _____

Saya, ahli keluarga dan/atau tanggungan saya **MEMPUNYAI** kepentingan peribadi, kewangan atau lain-lainnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam perkara tertentu yang membabitkan atau boleh membabitkan perancangan dengan tugas dan tanggungjawab saya sebagai:

di (Kumpulan/Bahagian/Anak Syarikat) _____

Nama Ahli Keluarga/Tanggungan yang terabit: _____

_____ Syarikat/organisasi yang terabit: _____
_____ jenis kepentingan yang terabit: _____

PERTANYAAN LANJUT

**BAHAGIAN
PENGANGKUTAN BISNES & OPERASI**

Email:
pembangunanbisnesfbp@gmail.com

BORANG PEMBERIAN & PENERIMAAN HADIAH

LAMPIRAN B


FBP
Borang Pemberian dan Penerimaan Hadiah
FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn Bhd

PENDAHULUAN:
1. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap dalam 2 salinan.
2. Borang ini hendaklah diisi dengan menggunakan huruf cetak.

A. BUTIR-BUTIR PEMBERIA HADIAH

(a) Nama Staff: _____
(b) Inisial/Kod Pengenal: _____
(c) No. Staf: _____
(d) Jawatan: _____
(e) Divisi/Jawatan: _____
(f) Tempai Bertugas: _____

B. BUTIR-BUTIR HADIAH & SI PEMBERI HADIAH

(a) Jenis Hadiah: _____
(b) Anggaran nilai Hadiah: _____
(c) Nama Si Pemberi: _____
(d) Jawatan Si Pemberi: _____
(e) Syarikat Si Pemberi: _____
(f) Tarikh Hadiah Diterima: _____
(g) Tujuan Hadiah Diberi: _____
(h) Hubungan Si Pemberi Dengan Si Penerima (Jika Ada): _____



PENTADBIRAN

CARTA ORGANISASI PENGURUSAN

NAMA PEGAWAI	JAWATAN	NO TELEFON
TN. HJ MOHAMAD SHAHARRUDIN MOHAMAD HASSAN TAJUDIN	KETUA BAHAGIAN PENGURUSAN & PERHUBUNGAN KORPORAT	019-470 5500
PN. DIYANA SALEHAN	PENGURUS PENTADBIRAN	012-263 6816
EN. MOHD ILHAM MOHD TAHIR	PENOLONG EKSEKUTIF (PENTADBIRAN)	011-5322 0115
PN. AIMI ATHIRAH MOKTAR	PENOLONG EKSEKUTIF (PENTADBIRAN)	013-772 8840
EN. MUHAMMAD FARIZUAN SHARIFF	PENOLONG EKSEKUTIF (PENTADBIRAN)	011-2919 8665
EN. MOHD ZAIDEEL MOHD GHAZALI	PENOLONG EKSEKUTIF (PENTADBIRAN)	013-331 5556

PENTADBIRAN

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas yang melibatkan pelbagai aspek seperti perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan, dan pemantauan aktiviti-aktiviti organisasi.

**SKIM PERKHIDMATAN FELCRA BEKALAN &
PERKHIDMATAN SDN BHD**

**KUMPULAN
PENGURUSAN
(SKIM PENGURUSAN)**

**KUMPULAN
PENGURUSAN
(SKIM EKSEKUTIF)**

**KUMPULAN
PENTADBIRAN &
TEKNIKAL
(SKIM PENOLONG
EKSEKUTIF)**

**KUMPULAN
PENTADBIRAN &
TEKNIKAL
(SKIM PEMBANTU
EKSEKUTIF) / TUKANG**

**KUMPULAN
PENTADBIRAN &
TEKNIKAL
(SKIM PEMBANTU
EKSEKUTIF) /
PEMBANTU AM**

**KUMPULAN
PENTADBIRAN &
TEKNIKAL
(SKIM PEMBANTU
EKSEKUTIF) /
PEMANDU**

**KUMPULAN
PENTADBIRAN &
TEKNIKAL
(SKIM PEMBANTU
EKSEKUTIF) /
PEMBANTU AM
RENDAH**

NAMA JAWATAN	GRED	TANGGA GAJI (RM)
Ketua Pegawai Eksekutif	-	25,620 - 54,860
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif	Band 9	18,420 - 39,260
Pengurus Besar Kumpulan / Ketua Kumpulan / Ketua Pegawai / Pengarah Urusan	Band 8	14,080 - 29,120
Pengurus Besar / Ketua Kumpulan / Pengurus Besar Wilayah / Pengarah Urusan	Band 7	10,080 - 21,190
Pengurus Kanan / Setiausaha Eksekutif / Setiausaha Syarikat / Pengarah Urusan	Band 6	7,790 - 14,820
Pengurus Kanan / Setiausaha Eksekutif / Setiausaha Syarikat / Pengarah Urusan	Band 5	5,650 - 10,400
Pengurus	Band 4	3,900 - 8,500
Pengurus	Band 3	3,601 - 8,325
	Band 3 (A)	2,800 - 8,325
Eksekutif Kanan	Band 2	3,301 - 6,641
Eksekutif	Band 1	2,800 - 6,124
	Band 1 (A)	2,100 - 6,124
Penolong Eksekutif Kanan	A&T4	2,782 - 4,500
Penolong Eksekutif	A&T3	1,800 - 3,657
	A&T2	1,620 - 2,805
Pembantu Eksekutif (Tukang)	A&T3	1,800 - 3,657
Pembantu Eksekutif (Pembantu Am)	A&T1	1,500 - 2,795
Pembantu Eksekutif (Pemandu)	A&T1	1,500 - 2,431
Pembantu Eksekutif (Pembantu Am Rendah)	A&T1	1,500 - 2,360

KEMUDAHAN ELAUN TELEFON		
BIL	JAWATAN	ELAUN (RM)
1	Pengerusi & Lembaga Pengarah	250
2	Ketua Pegawai Eksekutif / Pengurus Besar	250
3	Pengurus Bahagian	200
4	Pengurus Bengkel	100
5	Eksekutif Jualan	100
6	Keuta Unit / Ketua Operasi	80
7	Pemandu	50
8	Pengurus Wilayah / Eksekutif / Penolong Eksekutif	Budi Bicara Pengurusan

*Bidang jawatan boleh ditambah mengikut keperluan Syarikat dari semasa ke semasa

KADAR BAYARAN COLA

KAWASAN	KADAR PENUH (RM)	KADAR SEPARUH (RM)
Kawasan A	300.00	150.00
Kawasan B	200.00	125.00
Kawasan C	150.00	75.00

KAWASAN A

- a) **Wilayah Persekutuan:** Kuala Lumpur & Putrajaya
- b) **Pulau Pinang:** Pulau Pinang & Seberang Perai
- c) **Selangor:** Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Shah Alam & Subang Jaya
- d) **Johor:** Johor Bahru

KAWASAN B

- a) **Johor:** Batu Pahat, Johor Bahru Tengah, Kluang, Kulai & Muar
- b) **Kedah:** Alor Setar, Kulim, Langkawi & Sg. Petani
- c) **Kelantan:** Kota Bharu
- d) **Melaka:** Alor Gajah & Bandar Melaka
- e) **Negeri Sembilan:** Nilai, Port Dickson & Seremban
- f) **Perak:** Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping & Teluk Intan
- g) **Pahang:** Bentong, Kuantan & Temerloh
- h) **Perlis:** Kangar
- i) **Terengganu:** Kemaman & Kuala Terengganu

KAWASAN C

Kawasan-kawasan lain

TERMA & SYARAT PERKHIDMATAN

**WAKTU
BEKERJA**

CUTI

**KWSP,
PERKESO DAN
INSURANS**

**KEMUDAHAN
PERUBATAN**

**ELAUN DALAM
PERKHIDMATAN**

**ELAUN,
KEMUDAHAN &
BAYARAN SEMASA
MENJALANKAN
TUGAS RASMI**

**ELAUN,
KEMUDAHAN &
BAYARAN SEMASA
MENGIKUTI KURSUS**

WAKTU BEKERJA

HARI	WAKTU BEKERJA	WAKTU REHAT	NEGERI
ISNIN - KHAMIS	8:30 PAGI - 5:30 PETANG	1:00 PETANG - 2:00 PETANG	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (IBU PEJABAT), JOHOR, MELAKA, NEGERI SEMBILAN, PAHANG, PERAK, PERLIS, PULAU PINANG DAN SELANGOR
JUMAAT		12:15 PETANG - 2:45 PETANG	
AHAD	8:00 PAGI - 5:00 PETANG	12:15 PETANG - 2:45 PETANG	KEDAH, JOHOR, KELANTAN DAN TERENGGANU
ISNIN - KHAMIS		1:00 PETANG - 2:00 PETANG	
ISNIN - KHAMIS	8:00 PAGI - 5:00 PETANG	1:00 PETANG - 2:00 PETANG	SABAH DAN SARAWAK
JUMAAT		11:30 PAGI - 2:00 PETANG	

CUTI

CUTI TAHUNAN

TAHUN PERKHIDMATAN	BIL KELAYAKAN CUTI
1 - 5 Tahun	19 Hari
6 - 10 Tahun	23 Hari
Lebih 10 Tahun	26 Hari

CUTI BERSALIN

Cuti diberikan sebanyak (98) hari setakat (5) orang anak dan (360) hari sepanjang tempoh perkhidmatan

CUTI HAJI & UMRAH

Ketua Pegawai Eksekutif atau Pegawai yang diwakilkan kuasa boleh memberi kelulusan Cuti Haji dengan bergaji penuh selama 40 hari

Cuti Umrah adalah cuti tanpa rekod yang diperuntukkan kepada staf yang beragama Islam dan bertaraf tetap

Cuti yang diperuntukkan adalah maksimum sebanyak 7 hari

***Cuti Haji & Umrah adalah diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan**

CUTI EHSAN

Perkahwinan staf untuk kali pertama sahaja	3 Hari
Kematian suami/isteri, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik serta ibu/bapa mentua	4 Hari
Bencana alam seperti banjir dan kebakaran	3 Hari

*Cuti Ehsan tidak boleh dikumpul dan/atau di bawah kehadiran

CUTI SAKIT

TAHUN PERKHIDMATAN	BIL KELAYAKAN CUTI
Kurang 2 Tahun	14 Hari
2 - 5 Tahun	18 Hari
Lebih 5 Tahun	22 Hari

Staf layak mengambil Cuti Sakit Berbayar Hospitalisasi selama 90 hari dalam setahun sekiranya dimasukkan ke hospital dan jumlah cuti sakit (bukan hospitalisasi) tidak akan ditolak dari cuti sakit berbayar

KWSP, PERKESO & INSURANS

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

Kadar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah ditentukan oleh syarikat dari masa ke semasa tetapi tidak kurang daripada kadar yang diwajibkan oleh undang-undang. Majikan akan mencarum sebanyak 13% dan staf akan mencarum sebanyak 11%

*Caruman adalah berbeza mengikut tahun perkhidmatan

PERKESO

Syarikat akan mencarum kepada PERKESO sekurang-kurangnya menurut kadar yang ditetapkan oleh Akta Pertubuhan Keselamatan Sosial 1969 (Pindaan 1992)

INSURANS

Syarikat akan melindungi semua staf di bawah Polisi Insurans Kemalangan Berkelompok yang berpunca dari kemalangan selama 24 jam

KEMUDAHAN PERUBATAN

JENIS-JENIS BANTUAN

- a) Menjalani pemeriksaan doktor apabila sakit oleh hospital kerajaan / klinik yang diluluskan oleh syarikat.
- b) Ubat yang diberi hospital kerajaan / klinik yang diluluskan oleh syarikat.
- c) Pembiayaan maksimum bagi bersalin (biasa) RM2,500.00 manakala bersalin (bedah) RM3,000.00.
- d) Rawatan pakar hanya boleh dibuat di hospital kerajaan / panel hospital yang dilantik oleh syarikat.

KELAS WAD	GRED
Kelas 1 - bilik seorang	BAND 9 - BAND 4
Kelas 1 - bilik berdua	BAND 3 - BAND 2
Kelas 1 - bilik bertiga / lebih	BAND 1 - A&T4
Kelas 2	A&T3 - A&T1

PENYAKIT YANG TIDAK TERMASUK DI BAWAH KEMUDAHAN PERUBATAN

- a) Untuk suntikan dan ubat yang diambil sebagai langkah berjaga-jaga kecuali syarikat mengarahkan.
- b) Untuk perbelanjaan yang dikenakan pada diri sendiri, sakit atau berpenyakit yang disebabkan oleh kelakuan tidak senonoh atau mendedahkan diri kepada keadaan bahaya yang tidak sepatutnya kecuali apabila cuba menyelamatkan nyawa manusia, diserang atau menyelamatkan keadaan ketenteraman.
- c) Untuk perbelanjaan yang dikenakan akibat percubaan membunuh diri atau kecederaan akibat dari melakukan perbuatan menyalahi undang-undang, rusuhan, mengganggu ketenteraman atau kelakuan tidak senonoh.
- d) Untuk rawatan akibat daripada penyalahgunaan dadah, percubaan menggugurkan anak secara haram atau mengambil minuman keras.
- e) Kerana sakit akibat dari tidak mengikut arahan bertulis oleh hospital atau klinik yang diluluskan oleh syarikat
- f) Perbelanjaan untuk membeli alat anggota palsu, cermin mata dan kanta sentuh.

RAWATAN KECEMASAN

Dalam keadaan kecemasan, FBPSB atas budi bicaranya akan membayar balik kepada staf yang terlibat mengikut resit pembayaran perbelanjaan rawatan & ubat daripada mana-mana pegawai perubatan berdaftar. Rawatan selanjutnya hendaklah dibuat oleh doktor FBPSB.

PENGGUNAAN KLINIK PANEL SYARIKAT

- a) Suami atau isteri staf yang berkhidmat dengan majikan lain yang mempunyai panel doktor sendiri tidak digalakkan menggunakan kemudahan rawatan perubatan dari klinik panel syarikat.
- b) Staf dan pasangan serta ahli keluarga layak mendapat rawatan di klinik panel syarikat. Had kelayakan bagi yang berkahwin adalah **RM1,500.00 setahun/keluarga** manakala staf bujang **RM1,000.00 setahun**. Semua tuntutan hendaklah disertakan dengan resit.

RAWATAN PERGIGIAN

- a) Seseorang staf adalah layak mendapat rawatan pergigian yang terhad kepada pemeriksaan, scaling, cabutan dan isian jenis amalgam, sintetik dan akrilik sahaja. Kelayakan ini hanya terhad kepada staf sahaja.
- b) Kelayakan seorang staf adalah **RM 500.00 setahun**. Semua tuntutan hendaklah disertakan dengan resit.

ELAUN, KEMUDAHAN & BAYARAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI

KADAR ELAUN MAKAN BERTUGAS RASMI DI DALAM NEGERI				
GRED BARU	SEMANANJUNG MALAYSIA, KALIMANTAN & SELATAN THAILAND	SABAH (TERMASUK LABUAN/SARAWAK)	SINGAPURA & BRUNEI DARUSSALAM	
BAND 9	140.00	200.00	230.00	
BAND 8 / BAND 7	110.00	150.00	170.00	
BAND 6 / BAND 5	90.00	120.00	145.00	
BAND 4	80.00	105.00	120.00	
BAND 3 / BAND 3 (A)	70.00	85.00	100.00	
BAND 2	60.00	70.00	80.00	
BAND 1 / BAND 1 (A)	55.00	65.00	75.00	
A&T4	50.00	60.00	70.00	
A&T3 / A&T2	45.00	55.00	60.00	
A&T1	40.00	50.00	55.00	

BAYARAN SEWA HOTEL				
GRED	SEMENANJUNG		SABAH & SARAWAK	
	BAYARAN SEWA HOTEL (MAKSIMUM) RM	ELAUN LOJING (RM)	BAYARAN SEWA HOTEL (MAKSIMUM) RM	ELAUN LOJING (RM)
BAND 9	Standard Suite	80.00	Standard Suite	85.00
BAND 8 / BAND 7	<u>Bilik Biasa</u>	70.00	<u>Bilik Biasa</u>	75.00
BAND 6 / BAND 5	200.00	60.00	220.00	66.00
BAND 4	180.00	54.00	200.00	57.00
BAND 3 / BAND 3 (A)	160.00	42.00	170.00	48.00
BAND 2	135.00	27.00	155.00	33.00
BAND 1 / BAND 1 (A)	125.00	24.00	145.00	27.00
A&T4	95.00	22.00	135.00	23.00
A&T3 / A&T2	85.00	20.00	115.00	22.00
A&T1	75.00	18.00	85.00	19.00

- a) Tuntutan bayaran sewa hotel bagi staf Gred Band 7 ke atas hendaklah secara berpatutan dan munasabah.
- b) Bayaran sewa hotel tidak boleh dibayar untuk masa bertugas yang melebihi 3 bulan terus menerus.
- c) Seseorang staf layak menuntut bayaran perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang terwajib ke atas sewa hotel sebagai tambahan kepada maksimum kelayakannya.
- d) Seseorang staf tidak layak menuntut bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing jika tempat penginapan disediakan oleh syarikat, penganjur atau pengangkutan.

KADAR ELAUN PERBATUAN					
JARAK PERJALANAN	KELAS/GRED (SEN/KM)				
	A (BAND 9 - BAND 2)	B (BAND 1 - A&T4)	C (A&T3 / A&T2)	D (A&T1)	E (A&T1)
500 KM Pertama	70	60	50	45	40
501 - 1,000 KM	65	55	45	40	35
1,001 - 1,700 KM	55	50	40	35	30
1,701 KM & seterusnya	50	45	35	30	25

**Seseorang staf yang menggunakan kenderaan yang disediakan oleh syarikat tidak layak menuntut elaun ini*

BERTUGAS RASMI DI LUAR NEGERI

Segala elaun yang melibatkan urusan rasmi di luar negeri, staf perlu merujuk kepada Sumber Manusia dan perlu mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurus Besar

**KADAR-KADAR ELAUN MAKAN, BAYARAN MAKSIMUM HOTEL DAN ELAUN LOJING
KURSUS PENDEK DI DALAM NEGERI**

GRED BARU	Elaun Makan (RM)	Bayaran Maksimum Sewa Hotel (RM)	Elaun Lojing (RM)
Semenanjung Malaysia			
BAND 9	76.00	200.00	80.00
BAND 8 / BAND 7	56.00	166.00	70.00
BAND 6 / BAND 5	40.00	120.00	60.00
BAND 4	30.00	106.00	54.00
BAND 3 / BAND 3 (A)	26.00	83.00	42.00
BAND 2	23.00	53.00	27.00
BAND 1 / BAND 1 (A)	21.00	46.00	24.00
A&T4	20.00	43.00	22.00
A&T3 / A&T2	17.00	40.00	20.00
A&T1	15.00	36.00	18.00
Sabah & Sarawak			
BAND 9	110.00	233.00	85.00
BAND 8 / BAND 7	76.00	200.00	75.00
BAND 6 / BAND 5	53.00	133.00	66.00
BAND 4	43.00	113.00	57.00
BAND 3 / BAND 3 (A)	33.00	96.00	46.00
BAND 2	30.00	66.00	33.00
BAND 1 / BAND 1 (A)	28.00	53.00	27.00
A&T4	26.00	46.00	23.00
A&T3 / A&T2	24.00	43.00	22.00
A&T1	22.00	40.00	19.00

TATATERTIB

KESALAHAN - KESALAHAN RINGAN

Tidak hadir kerja tanpa sebarang pemakluman kepada majikan (tidak lebih 2 hari)

Menggunakan kenderaan / alat-alat kepunyaan syarikat tanpa kebenaran

Disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Syariah / Sivil

Mengganggu staf-staf lain dalam waktu bekerja

Merokok di kawasan larangan dalam premis syarikat

Lain-lain kesalahan yang dianggap oleh syarikat sebagai kesalahan ringan

KESALAHAN - KESALAHAN BERAT

Tidak hadir kerja lebih daripada 2 hari tanpa kebenaran majikan

Mengambil cuti sakit yang meragukan

Ingkar arahan atau perintah di dalam menjalankan tugas harian

Tidak jujur dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan oleh syarikat

Berkelakuan tidak senonoh di kawasan syarikat

Lain-lain kesalahan yang dianggap oleh syarikat sebagai kesalahan berat

TINDAKAN TATATERTIB

1

AMARAN LISAN &
AMARAN BERTULIS

2

TURUN PANGKAT DENGAN
PENURUNAN GAJI

3

TIADA PERGERAKAN GAJI

4

TINDAKAN DISIPLIN

5

BUANG KERJA TANPA
NOTIS


6

PERLAKSANAAN DISIPLIN

7

PENGGANTUNGAN KERJA
TANPA GAJI TIDAK LEBIH
DARI 14 HARI

Untuk Maklumat Lanjut Boleh Rujuk Terma & Syarat Perkhidmatan serta Skim Perkhidmatan FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn Bhd



KEWANGAN

CARTA ORGANISASI KEWANGAN

NAMA PEGAWAI	JAWATAN	NO TELEFON
TN. HJ MOHAMAD SHAHARRUDIN MOHAMAD HASSAN TAJUDIN	KETUA BAHAGIAN PENGURUSAN & PERHUBUNGAN KORPORAT	019-470 5500
PN. SYAZA MOHD SHIDEK	PENGURUS KEWANGAN	017-794 1954
PN. SITI NURHANISAH SAHARUDDIN	KETUA UNIT KEWANGAN	017-675 4765
PN. NURFAZIRA MOHD FAIZUL	PENOLONG EKSEKUTIF (KEWANGAN)	010-367 5708
CIK NUR TAHIRAH FILZA DAUD	PENOLONG EKSEKUTIF (KEWANGAN)	017-292 0058

KEWANGAN

Bertanggungjawab untuk menguruskan kewangan dan akaun dengan mematuhi prosedur kewangan yang telah ditetapkan oleh syarikat. Selain itu, unit kewangan juga bertanggungjawab memastikan perbelanjaan dilakukan tidak melebihi peruntukan, memproses pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan & memantau perbelanjaan ke arah amalan berbelanja yang lebih berhemah.



PROSEDUR PENUTUPAN AKAUN

i. Memastikan semua Bahagian/Unit sudah memasukkan kos & jualan untuk bulan semasa

ii. Bahagian/Unit perlu menyemak sama ada *cost center*, *GL Code* & *Counter* dimasukkan dengan betul

iii. Setiap Bahagian/Unit yang mempunyai simpanan stok perlu di "*keyin*" dalam sistem (*closing & opening stock*) hendaklah sama seperti yang direkodkan di dalam *Balance Sheet*

iv. Memastikan senarai semak telah dilakukan sebelum penutupan akaun dilaksanakan iaitu *hire purchase* kenderaan, potongan gaji staf, *generate* aset syarikat, *check GL code / Cost Center*, *Listing sale & Cost*

vi. Menyediakan butiran lain-lain perbelanjaan setiap Bahagian/Unit selepas penutupan Akaun Syarikat untuk dibentangkan kepada Mesyuarat Pengurusan bagi setiap kos perbelanjaan bulanan Bahagian/Unit

v. Menyediakan laporan kewangan mengikut format syarikat dan format FELCRA Berhad bagi tujuan pelaporan kepada Pengurus Kanan/Pengurus Besar sebelum laporan tersebut dihantar ke Bahagian Kewangan Ibu Pejabat FELCRA Berhad pada setiap bulan sebelum 10hb

KAWALAN KREDIT (AGING & ASET)

1

Mendapatkan maklumbalas status aging tertunggak melebihi 3 bulan daripada Bahagian/Wilayah/Bengkel/Pelanggan & menyediakan laporan maklumbalas

2

Menyediakan/menyemak *follow-up outstanding aging* melebihi 3 bulan bagi pelanggan yang kritikal & mendapatkan maklumbalas & membuat tindakan susulan sekiranya perlu

3

Menyediakan laporan yang diperlukan oleh Pengurus Kanan/Pengurus Besar

4

Menyediakan maklumat berkaitan keperluan Audit & Cukai Tahunan Syarikat

5

Menyediakan maklumat aging & menghantar laporan kepada Bahagian Kewangan Ibu Pejabat mengikut keperluan

6

Mengeluarkan *Statement of Account* atau Surat Tuntutan Bayaran kepada pelanggan

7

Mengeluarkan laporan bulanan status aging Bahagian/Wilayah bagi penghutang dalaman/luaran

8

Membuka akaun kenderaan & akaun berkaitan untuk sewa beli kenderaan

9

Menyemak & merekod Aset Syarikat serta pelupusan Aset Syarikat

PENYESUAIAN AKAUN (BANK RECONCILIATION)

Bertanggungjawab bagi aktiviti perniagaan yang berada dalam tempoh kontrak (aktiviti khas) dari segi penyimpanan invoice pelanggan & pembekal, sijil bayaran, resit bayaran & lain-lain dokumen kewangan yang berkaitan

Menyemak transaksi duit masuk daripada Wilayah, Bengkel dan Kawasan

Menerima tunai diperingkat HQ Syarikat & merekod ke dalam sistem serta buku tunai sebelum diserahkan kepada *runner* syarikat untuk di *bank-in* ke akaun syarikat. Memastikan slip bank diberikan dan difailkan

Membuat penyata penyesuaian Bank Affin secara bulanan

SALES & SERVICE TAX (SST)

Merekod maklumat-maklumat syarikat berdaftar SST ke dalam sistem perakaunan syarikat

Menyemak GL akaun yang berkaitan SST melalui sistem perakaunan OBM-sebelum 15hb

Menyediakan maklumat berkaitan produk syarikat berkaitan SST

Menyediakan laporan berkaitan SST & membuat pemfailan kepada pihak Kastam Malaysia setelah mendapat pengesahan Pengurus Besar

Merekod/memproses maklumat berkaitan pembayaran berkenaan SST ke dalam sistem perakaunan syarikat dan MySST

Menghadiri mesyuarat berkaitan SST yang dianjurkan oleh FELCRA Berhad/agensi-agensi berkaitan

BAYARAN KEPADA *EXTERNAL*

Mendapatkan maklumbalas daripada Eksekutif Kewangan berkenaan duit masuk syarikat & membuat pemakluman kepada Pengurus Kanan/Pengurus Besar bagi kelulusan sebelum bayaran disediakan

Membuat bayaran bagi sebarang tuntutan perbelanjaan *ad-hoc* (bil dan lain-lain) & hendaklah dipastikan mempunyai memo dan dokumen sokongan serta mendapat pengesahan Pengurus Kanan dan Pengurus Besar sebelum bayaran dibuat

Semakan perlu dibuat berdasarkan kepada memo tuntutan pembekal yang diterima daripada Bahagian & mengesahkan semua dokumen tuntutan daripada Bahagian adalah cukup dan lengkap

Membuat transaksi bayaran gaji bulanan staf yang telah disediakan oleh Bahagian Sumber Manusia (HR) dan diluluskan oleh Pengurus Besar



PEROLEHAN

CARTA ORGANISASI PEROLEHAN

NAMA PEGAWAI	JAWATAN	NO TELEFON
TN. HJ MOHAMAD SHAHARRUDIN MOHAMAD HASSAN TAJUDIN	KETUA BAHAGIAN PENGURUSAN & PERHUBUNGAN KORPORAT	019-470 5500
PN. DIYANA SALEHAN	PENGURUS PENTADBIRAN	012-263 6816
PN. NORANIZA AZMI	KETUA UNIT PEROLEHAN	017-949 2476

PEROLEHAN

Bertanggungjawab menjalankan proses untuk mendapatkan suatu keperluan sama ada kerja berkaitan bekalan atau perkhidmatan daripada pihak ketiga. Setiap aspek tersebut harus mengikut peraturan, undang-undang, tatacara dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat dengan menggunakan peruntukan yang disediakan.

HAD KUASA

KELULUSAN	HAD KUASA	NILAI TAWARAN
Jawatankuasa Tender	Lembaga Pengarah	RM10 Juta hingga RM300 Juta
	Jawatankuasa Pemberian Tender Ibu Pejabat	RM2 Juta hingga RM5 Juta
Jawatankuasa Sebutharga	Jawatankuasa Pemberian Tender Ibu Pejabat	RM100 Ribu hingga RM2 Juta


PROSES PEMBUKAAN TAWARAN TENDER/SEBUTHARGA



PROSES PENDAFTARAN KONTRAKTOR



PROSES LANTIKAN KONTRAK / VENDOR



AMBIL ALIH KONTRAK (KLAUSA 28)

Suatu notis hendaklah disampaikan kepada kontraktor mengikut peruntukan dibawah Klausula 28 mengenai kerja-kerja yang sepatutnya dilaksanakan oleh kontraktor



Butir-butir kerja dan jumlah kuantiti yang perlu dilaksanakan hendaklah dilampirkan bersama-sama notis berkenaan



Kontraktor diberi tempoh 7 hari untuk memulakan kerja bagi menyambung kerja-kerja tersebut




